

2 batu pagar di sempadan

Projek ke-2 cegah penyeludup dan pegganas

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

IPOH, Khamis — Malaysia akan membina pagar keselamatan di tempat pemeriksaan Kroh, di sepanjang sempadan Perak-Thailand untuk membentaras penyeludupan dan penceroohan pegganas-peggnas komunis.

Mengumumkan hari ini, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerja membina hampir 12 batu pagar tersebut akan bermula dengan segera, apabila perantukannya disediakan dan segala pelannya dapat disiapkan.

Keputusan ini berikutan kejayaan besar membentaras penyeludupan yang menunjukkan 1,000 peratus pertambahan pungutan hasil Kastam, selepas pagar sempadan sepanjang 17 batu dibina di Padang Besar, Perlis dalam tahun 1979.

Perbelanjaan \$10j

Sementara usaha-usaha membentaras penyeludupan dan pungutan hasil Kastam di sempadan Kroh-Betong tidak begitu menghairkan seperti di tempat pemeriksaan Padang Besar-Haadyai, Perdana Menteri berkata, pagar keselamatan itu akan dapat mengurangkan penyeludupan, terutama dadah, ke Malaysia.

Bellau berkata, ia juga akan dapat menahan pergerakan pegganas-pegganas komunis, jika tidak sepenuhnya, memalui negara ini dari tempat perlindungan mereka di Betong.

Pagar keselamatan itu, yang dijangka akan membelanjakan \$10 juta, akan bermula dari Bukit Perenggan di sempadan Perak-Kedah di sebelah timur, hingga ke Lembangan Menering kira-kira 12 batu jauhnya.

Bercakap dalam sidang akhbar di akhir lawatan dua hari ke Perak Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, keadaan keselamatan di sini lebih stabil pada kesetruhanannya, ia menunjukkan satu kemajuan sejak beberapa tahun yang lalu.

Bellau berkata, bilangan pegganas komunis yang menyerang diri telah bertambah dan serangan-serangan perangkap samar terhadap pasukan keselamatan di kawasan sempadan pula telah berkurangan.

Pelarian Islam

Mengenal orang-orang pelarian Islam Thailand yang masih tinggal bersama saudara mara mereka di kawasan Kroh, Perdana Menteri berkata, Kerajaan ingin melihat mereka kembali semula ke Thailand sekiranya mereka merasa selamat dan gembira untuk pulang.

"Tetapi mereka akan dibenarkan tinggal selagi mereka merasa perlu berbuat demikian.

"Kita bertindak demikian semata-mata atas sebab-sebab peri kemanusiaan. Bilangan mereka pula hanyalah kecil sahaja dan kita tidak akan mengambil kira andainya mereka akan tinggal untuk sementara waktu sahaja.

"Tetapi kita tidak akan menertima bilangan orang-orang pelarian yang sangat besar jumlahnya," katanya sambil merujuk kepada beribu-ribu orang pelarian Vietnam yang telah mendarat di pantai-pantai Malaysia.

No. Siri: 12.628
No. Pene: MLN. 4926/81